



IKLAN KEKOSONGAN GERAI / PREMIS / KIOSK

Tarikh Diiklankan : 16 Mei 2024

1. Permohonan adalah dipelawa kepada penduduk kelahiran atau menetap di Simpang Renggam dan kawasan sekitarnya yang berminat untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di Gerai / Premis / Kiosk milik Majlis Daerah Simpang Renggam.
2. Kekosongan Gerai / Premis / Kiosk milik MDSR yang ditawarkan ialah :

Bil	Kategori Harta Sewa	No. Unit	Kadar Sewa Bulanan (RM)	Kegunaan Khas
1	Gerai Bukit Keremoiyang	1	100.00	Terbuka (kecuali kedai gunting rambut dan bengkel kenderaan)
		8	100.00	
		9	100.00	
		10	100.00	
2	Gerai Mini Stadium Layang-Layang	3	150.00	Makanan dan minuman
3	Gerai Kabin Layang-Layang	-	300.00	Terbuka (perniagaan yang tidak melibatkan penggunaan air)
4	MyKiosk Perhentian Bas Renggam	5	70.00	Makanan dan minuman

3. Syarat-syarat permohonan gerai/ premis/ kiosk adalah seperti berikut :
 - 3.1 Taraf kerakyatan pemohon mestilah **Warganegara Malaysia** yang berumur dari 18 tahun sehingga 60 tahun sahaja. **(Keutamaan akan diberi kepada penduduk sekitar kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam).**
 - 3.2 Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Sewa Gerai yang boleh didapati daripada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MDSR.

- 3.3 Borang permohonan hendaklah diisikan dengan **LENGKAP** dan dikembalikan kepada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MDSR berserta dokumen-dokumen berikut :
- i) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport
 - ii) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon
 - iii) Satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan / Syarikat (SSM)
 - iv) Salinan sijil kursus perniagaan **(jika ada)**
 - v) Melampirkan lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan **(jika ada)**
- 3.4 Permohonan hendaklah dibuat berdasarkan **kekosongan** yang ditetapkan di dalam Iklan Kekosongan Gerai / Premis / Kiosk yang diiklankan sahaja. **(terhad kepada satu pemohon untuk satu kekosongan)**
- 3.5 Pemohon adalah dinasihatkan untuk **melihat keadaan lokasi premis terlebih dahulu** sebelum memohon kekosongan Gerai / Premis / Kiosk yang diiklankan.
- 3.6 Pemohon hendaklah menjelaskan bayaran proses permohonan penyewaan sebanyak **RM10.00 bagi satu permohonan**. (Segala kos perbelanjaan berkaitan permohonan ini tidak ditanggung oleh pihak MDSR).
4. Tarikh Tutup permohonan ;-
- 4.1 Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam, **sebelum atau pada 28 April 2024 (12.00 tengahari)**.
- 4.2 Status permohonan yang layak ditemuduga akan mendapat jemputan temuduga mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“KLUANG MAJU, SIMPANG RENGAM SEJAHTERA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD FA'IZ BIN SALEHON)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Simpang Renggam

MSAB/am...aset/awar/kekosong/iklan2024_1